

# 5,000 pesakit buah pinggang baharu setiap tahun

IPOH 16 Jun - Jumlah penghidap sakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis di negara ini semakin meningkat apabila hampir 5,000 pesakit baharu dikesan setiap tahun.

Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF), Datuk Dr. Zaki Morad Mohd. Zaher berkata, pertambahan jumlah pesakit tahap terakhir itu setiap tahun agak membimbangkan dan didapati berlaku terutama kepada golongan berusia 65 tahun ke atas.

Jelas beliau, pakar-pakar perubatan berpendapat lonjakan angka tersebut berkemungkinan berpunca daripada peningkatan jumlah pesakit kencing manis yang tinggi di negara ini.

“Sehingga kini dianggarkan kira-kira 9.2 peratus atau 2.8 juta rakyat di negara ini mengalami masalah kegagalan fungsi buah pinggang dari peringkat pertama hingga kelima (akhir).

“Kajian yang dijalankan menunjukkan pertambahan pesakit buah pinggang kronik ini disumbangkan oleh penghidap penyakit kencing manis dan jika masalah ini tidak dirawat segera, pesakit mungkin memerlukan rawatan dialisis untuk meneruskan hidup,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian Forum NKF Ke-10 yang disertai kira-kira 300 peserta di sini hari ini.

Majlis berkenaan disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chenderiang, Datuk Dr. Mah Hang Soon yang mewakili Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Nolee Ashilin Mohammed Radzi.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan dan Kebajikan Pesakit NKF, Dr. JD. John dan Ketua Eksekutif NKF, Chua Hong Wee.

Zaki Morad berkata, NKF yang diasaskan sejak 1969 telah menjadi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terbesar khusus dalam bantuan dialisis dengan lebih 1,500 pesakit dibantu sehingga kini di 27 pusat dialisis miliknya yang terdapat di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.